

KENYATAAN MEDIA

Pelancaran *Net-Zero Shrimp Aquaculture and AI Integration Hub* Pertama di Asia Tenggara

Brunei Muara, 7 Julai 2025 – Jets Sdn Bhd (Jets), sebuah syarikat akuakultur, berserta dengan syarikat induknya iaitu DABANC Group, sebuah syarikat pembekal aset digital yang ternama, telah merasmikan majlis pelancaran pangkalan akuakultur udang yang pertama di Asia Tenggara, bertempat di Negara Brunei Darussalam, yang mana projek ini akan diintegrasikan dengan teknologi *Artificial Intelligence* serta berciri *Net-Zero Emission*. Turut hadir bagi menyaksikan majlis pelancaran ini adalah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelacangan.

Matlamat projek ini melibatkan pembangunan hub inovasi bagi industri akuakultur di rantau ASEAN dengan memberikan tumpuan penting kepada penggunaan teknologi pintar di setiap aspek termasuk pemantauan kualiti air, ramalan penyakit serta meningkatkan hasil pengeluaran, dan disamping itu juga akan mengutamakan integrasi tenaga suria, bagi mencapai komitmen syarikat terhadap kelestarian alam sekitar.

Dalam ucapan Pengarah Urusan syarikat Jets, Naib Pengerusi DABANC Group, beliau menyatakan bahawa usaha yang menggabungkan kemajuan teknologi dengan kepentingan alam sekitar akan membawa masa depan yang lebih bermanfaat bagi Negara Brunei Darussalam.

Majlis pelancaran tersebut juga telah dihadiri oleh wakil dari sektor kerajaan, akademik, industri dan organisasi antarabangsa, dan telah disanjung sebagai sebuah inisiatif yang termuka dalam pembangunan ekonomi hijau, industri teknologi pintar dan peningkatan sekuriti makanan.

Mengenai Jets Sdn Bhd

Jets Sdn Bhd merupakan sebuah anak syarikat kepada syarikat usahama dibawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, melalui Dana Modal Pembangunan Strategik, Bahagian Pelaburan. Aktiviti utama syarikat berkenaan adalah bagi penternakan Udang Biru Rostris, di beberapa tapak di Negara Brunei Darussalam, untuk memenuhi keperluan pasaran domestik dan pasaran eksport.

Mengenai DABANC Group

DABANC Group adalah sebuah syarikat pelaburan yang beribu pejabat di Hongkong dan mempunyai beberapa cawangan di Republik Rakyat China, Sarawak, Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat. Pelaburan syarikat berkenaan adalah tertumpu kepada sector-sektor seperti: Pusat Data, *AI hyperscaler*, tenaga hijau, *blockchain/crypto*, dan perbankan digital.

Disediakan oleh:
Jets Sdn Bhd

Tarikh: 7 Julai 2025